



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Semester I, Sesi Akademik 2014/2015**

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SJ 4302

Nama Kursus : Acara Sivil Di Mahkamah Syariah

Tahap Kursus : Sarjana Muda

Masa : 3 jam

**Rujukan Dibenarkan:
Perintah Acara Mal 2005.**

Peringatan:

Jawab LIMA soalan SAHAJA yang salah satu daripadanya soalan PERTAMA.

SOALAN PERTAMA . SOALAN WAJIB (20 Markah):

- (a) Selaku Peguam Syar'ie yang dilantik, awda dikehendaki mendorong satu Pernyataan Tuntutan berdasarkan fakta kes di bawah ini:

Plaintif yang bernama Halimah binti Halimunain, nombor kad pengenalan Brunei: 00-654321 (kuning), adalah seorang guru perempuan disalah sebuah sekolah swasta di Daerah Brunei Muara di mana dia telah bekerja selama sepuluh tahun mengajar matapelajaran Bahasa Melayu kepada penuntut tingkatan empat. Dia telah bernikah dengan Defendant, Ajiboy bin Ajinomoto, nombor kad pengenalan Brunei: 00-123456 (kuning), pada dua haribulan Oktober 2011. Majlis pernikahan diadakan di Empire Hotel berkonsepkan ‘perkahwinan dalam taman’ disaksikan oleh dua ribu tetamu dan mereka berdua juga telah mendaftarkan pernikahan itu di Mahkamah Syariah Brunei. Pada tahun 2012, Plaintiff telah mengalami keguguran kerana terkejut setelah menonton cerita ‘*Jangan Pandang Belakang*’. Pada sepuluh haribulan Februari 2013, Plaintiff telah melahirkan seorang anak lelaki yang comel dan berat badannya 2.5 kilogram. Anak tersebut diberi nama Ajiman bin Ajiboy. Pada empat haribulan Mei 2014, Defendant dan Plaintiff telah bertengkar kerana Plaintiff tidak pandai memasak sambal belacan. Di dalam pertengkaran tersebut Defendant telah melafazkan “bertahun-tahun sudah abang mengidam kan makan sambal belacan yang alai buat tapi sampai ke hari ane inda alai peduli. Inda guna alai jadi isteri abang. Baiklah abang cari isteri lain yang pandai masak sambal belacan. Mulai hari ane abang ceraikan alai dengan talaq satu”. Perlafazan tersebut telah disaksikan oleh pembantu rumah mereka, Cich Sukasih, nombor paspot: AB 0987654 (Indonesia). Plaintiff apabila mendengar lafaz tersebut telah merasa pilu dan terus meninggalkan rumah dalam keadaan menangis. Plaintiff kemudiannya membuat tuntutan pengesahan lafaz cerai kepada Mahkamah Syariah Brunei.

(10 markah)

- (b) Selesaikan masalah-masalah berhubung dengan saman di bawah ini:

- i. Plaintiff telah mengeluarkan saman pada 25.02.2012 tetapi belum sempat menyampaikan saman tersebut kepada Defendant kerana Defendant mengikuti kursus di luar negara dan hanya akan pulang ke Brunei pada 30.05.2013.

Nyatakan apa yang harus dilakukan oleh Plaintiff?

(2 markah)

- ii. Plaintiff cuba menyampaikan saman kepada Defendant di rumahnya pada hari Selasa, 11/10/2011, jam 2.00 petang. Defendant pada waktu itu tidak berada di rumah kerana pergi ke Miri, Sarawak. Pembantu rumah Defendant bersetuju menerima saman tersebut dan berjanji akan menyerahkan saman tersebut kepada Defendant.

- a) Adakah penyampaian saman tersebut dianggap telah sempurna disampaikan?

- b) Adakah penyampaian saman dianggap sempurna jika sekiranya Plaintiff menunggu Defendan pulang ke rumah dari Miri, Sarawak jam 2.00 pagi?
- c) Bilakah penyampaian sedemikian dianggap telah disempurnakan?
- d) Bagaimana jika sekiranya Defendan enggan menerima saman tersebut?

(4 markah)

- iii. Di dalam saman, hari kehadiran telah ditetapkan pada 24.02.2011 jam 9.00 pagi iaitu hari Khamis bertempat di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei Muara. Saman tersebut telah disampaikan pada 14.02.2011 iaitu hari Selasa jam 3.15 minit petang; 15.02.2011 adalah hari kelepasan awam sempena Maulud Nabi Muhammad s.a.w dan pada 23.02.2011 juga merupakan hari kelepasan awam sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Adakah penyampaian saman tersebut sempurna atau tidak? Berikan alasan.

(4 markah)

SOALAN KEDUA (10 markah):

Merujuk Bahagian XX, Penggal XVII dan XVIII, Perintah Acara Mal, 2005 ada memperuntukkan mengenai Prosiding Interlokutari dan Perintah Interim.

- i. Terangkan cara memulakan Prosiding Interlokutari? (6 markah)
- ii. Apakah yang dimaksudkan dengan Perintah Interim? Bagaimana cara membuat permohonannya? Berikan enam (6) jenis utama Perintah Interim. (4 markah)

SOALAN KETIGA (10 Markah):

- (a) Dalam Perintah Acara Mal, 2005 ada menyatakan bahawa ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan tidak boleh membatalkan prosiding tetapi Mahkamah boleh atas kehendaknya atau permohonan mana-mana pihak mengenepikan keseluruhan atau sebahagian prosiding itu. Suatu permohonan untuk mengenepikan prosiding itu tidaklah boleh dibenarkan kecuali dibuat dalam masa yang munasabah dan sebelum pihak yang memohon itu telah mengambil apa-apa langkah baru selepas menyedari luar aturan itu.

- i. Nyatakan bab-bab yang memperuntukkan mengenai hal tersebut ? (1 markah)

ii. Berikan dua (02) rujukan kes serta penerangannya sebagaimana yang telah awda pelajari ?

(4 markah)

(b) Prinsip pliding ialah mengikat diri pihak-pihak yang membuatnya. Oleh yang demikian, tindakan di dalam kausa hendaklah berdasarkan pliding yang dibuat.

i. Hujahkan prinsip di atas dengan memberikan 3 rujukan kes-kes yang berkaitan.

(3 markah)

ii. Nyatakan cara pindaan pliding dibuat mengikut Perintah Acara Mäl, 2005.

(2 markah)

SOALAN KEEMPAT (10 markah):

Dalam Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2001 ada memperuntukkan bidangkuasa pegawasan dan penyemakan bagi Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

(a) Nyatakan siapa yang layak untuk memohon semakan.

(4 markah)

(b) Jelaskan perbezaan di antara semakan dan rayuan.

(6 markah)

SOALAN KELIMA (10 markah):

(a) Antara proses penting dalam perbicaraan penuh ialah memanggil saksi-saksi yang berkaitan untuk menyokong kes pihak-pihak yang bertikai. Saksi-saksi ini akan melalui tiga (03) peringkat soalan iaitu Soalan Utama, Soalan Balas dan Soalan Semula.

Jelaskan tujuan Soalan Balas dan Soalan Semula?

(3 markah)

(b) Jelaskan perbezaan empat istilah berikut:

Keputusan

(1 markah)

Penghakiman

- (1 markah)
- Alasan penghakiman** (1 markah)
- Perintah** (1 markah)
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan doktrin “*Stare Decisis*”? Bandingkan pemakaianya di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. (3 markah)

SOALAN KEENAM (10 Markah):

- (a) Permohonan merupakan salah satu cara untuk memulakan prosiding di Mahkamah Syariah. Permohonan ini terbahagi kepada dua (02) jenis.
- Sebutkan apakah dua (2) jenis permohonan itu? (1 markah)
 - Nyatakan prosedur untuk memulakan tindakan bagi kedua-dua permohonan tersebut? (3 markah)
 - Berikan alasan mengapa salah satu permohonan tersebut lebih dikenali sebagai kes yang dimulakan dengan “saman” ? (1 markah)
- (b) Plaintiff yang bernama Ahmad bin Nisfu berhasrat untuk memanggil 3 orang saksi iaitu Abdul Wahab, Abdul Wahib dan Abdul Wahub ke Mahkamah bagi membuktikan tuntutannya terhadap Defendant.
- Jelaskan apakah yang sepatutnya dilakukan oleh Plaintiff untuk memanggil saksi-saksi tersebut dengan menyatakan bab yang berkaitan ? (3 markah)
 - Bagaimana jika sekiranya saksi-saksi tersebut ingkar untuk hadir ke Mahkamah ? (2 markah)

بالتوفيق والنجاح.